

22 OCT 2000

Mahathir-F1

MAHATHIR RASMI GP MALAYSIA

SEPANG, 22 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Grand Prix Petronas Malaysia kali kedua, pusingan terakhir bagi musim Formula One, di Litar F1 Sepang.

Dalam upacara gilang gemilang dan penuh warna warni itu, Perdana Menteri memukul gong di atas pelantar khas dekat kawasan tempat duduk utama sebagai tanda perasmian.

Sebelum itu, Dr Mahathir yang bertanggungjawab meletakkan Malaysia antara negara-negara penganjur perlumbaan itu, mengetuai perarakan semua 22 pemandu F1 dalam kereta vintaj mengelilingi litar sejauh 5.543 km itu.

Malaysia yang pertama kali menjadi tuan rumah kejohanan itu tahun lepas, merupakan tuan rumah bagi pusingan ke-17 dan terakhir bagi musim ini.

Michael Schumacher dari pasukan Ferrari telahpun merampas kedudukan juara dunia daripada Mika Hakkinen dari McLaren Mercedes tetapi juara pengeluar akan ditentukan di sini.

Dr Mahathir yang diiringi Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan pengerusi Sepang International Circuit (SIC) Tan Sri Basir Ismail juga meninjau suasana di pit.

Upacara perasmian turut dihadiri Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri kabinet dan tokoh korporat.

Lebih 100,000 peminat termasuk dari luar negara berada di litar itu untuk menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan, perarakan bendera, kecekapan kawad pasukan tentera serta pertunjukan udara oleh Tentera Udara Diraja Malaysia.

Satu perlumbaan 10 pusingan melibatkan Proton Satria Gti diadakan sebagai pembuka tirai.

Perlumbaan F1 di sini dipancarkan ke 130 negara.

-- BERNAMA

AR MAI